



Mahu jadi doktor yang beri cahaya harapan

— Muka 2

BERITA

Pilih bidang perubatan di NTU untuk beri harapan kepada pesakit

► **SITI AISYAH NORDIN**
naisyah@sph.com.sg

HASRATNYA ingin menjadi doktor adalah untuk membantu pesakit dalam memberi mereka harapan dalam menghadapi kesukaran.

Lama sebelum Encik Muhammad Ariffin Mohd Zahrin, 19 tahun, diterima mengikuti program perubatan, beliau juga sedar bahawa minatnya terhadap pengetahuan sains boleh dimanfaatkan dengan membantu memperbaiki kehidupan orang lain sebagai doktor.

“Peluang berinteraksi dan berkhidmat kepada pesakit daripada semua lapisan masyarakat, pada saya, boleh mengayak lagi pengalaman hidup.

“Pada saya, kursus perubatan ini laluan terbaik bagi memanfaatkan minat saya terhadap sains dan juga semangat menyumbang kepada kehidupan orang lain dalam sektor penjagaan kesihatan.

“Pada masa yang sama, saya juga berpeluang timba ilmu, bukan saja tentang tubuh manusia dan perubahan, malah tentang masyarakat dan juga pesakit,” katanya semasa dihubungi *Berita Harian*, baru-baru ini.

Encik Ariffin merupakan antara 162 pelajar perubatan baru yang di-

sambut semasa Acara Kot Putih Sekolah Perubatan Lee Kong Chian (LKC Medicine) Universiti Teknologi Nanyang (NTU) yang diadakan Selasa lalu.

Ini merupakan kohort terbesar LKC Medicine sejauh ini.

Menurut Encik Ariffin, memang tidak dinafikan kursus tersebut memerlukan dedikasi lebih dari segi tumpuan dan masa, namun, ini tidak menjejaskan azam mahu memberikan yang terbaik.

“Pada saya, kesukaran bukan sesuatu yang saya gerun atau elak. Sejak peringkat awal di sekolah, saya telah berusaha dan bekerja keras untuk mengatasi kesukaran yang dihadapi, dan saya berharap dapat meneruskan usaha ini dengan sikap yang sama dalam kursus perubatan,” katanya.

Tambahnya, kursus perubatan membuka lebih banyak peluang baginya dari segi kerjaya dan bidang tumpuan, sama ada beliau ingin menjadi doktor di klinik awam atau swasta ataupun menumpukan terhadap bidang perubatan tertentu.

Walaupun tiada seorang pun dalam keluarganya yang mencubai bidang tersebut, Encik Ariffin berkata sokongan keluarga begitu penting dalam perjalanan pendidikannya.

“Memang minat saya dalam

bidang ini bukan daripada anggota keluarga, tapi ia sesuatu yang saya ingin sendiri. Ibu bapa saya juga tak pernah paksa.

“Tapi, merekalah yang menyokong semua keputusan saya dan memang teruja apabila diberitahu saya akan memulakan perjalanan saya di LKC,” kata anak seorang juruteknik dan suri rumah itu.

Beliau merupakan anak ketiga dalam empat beradik.

Kursus perubatan itu akan berlangsung selama lima tahun.


Semasa acara tersebut, presiden NTU, Profesor Subra Suresh, berkata:

“Tidak seperti tempoh masa lain dalam kehidupan manusia, Covid-19 telah mengubah cara kita hidup, bekerja, bermain, berinteraksi dan berkhidmat.

“Kohort ini akan menghadapi cabaran dan diuji lebih lagi berbanding kohort lain.

“Apabila Covid-19 berakhir, anda akan menjadi lebih bertekad, lebih pintar dan mempunyai perspektif yang lebih baik mengenai perkara yang penting,” katanya.

Profesor Suresh menambahkan, keadaan pandemik itu juga menonjolkan pentingnya kerjaya dalam bidang perubatan dalam masyarakat global.



TEKAD BERKHIDMAT: Encik Ariffin Mohd Zahrin bersyukur diberi peluang mengikuti kursus perubatan dengan mencubai bidang penjagaan kesihatan dan berkhidmat kepada mereka yang memerlukan. — Foto NTU

“Peluang berinteraksi dan berkhidmat kepada pesakit daripada semua lapisan masyarakat, pada saya, boleh mengayak lagi pengalaman hidup.

Pada saya, kursus perubatan ini laluan terbaik bagi memanfaatkan minat saya terhadap sains dan juga semangat menyumbang kepada kehidupan orang lain dalam sektor penjagaan kesihatan.

Pada masa yang sama, saya juga berpeluang timba ilmu, bukan saja tentang tubuh manusia dan perubatan, malah tentang masyarakat dan juga pesakit.”

— Encik Muhammad Ariffin Mohd Zahrin, antara 162 pelajar perubatan baru di NTU.